



KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA

KENYATAAN MEDIA

PRA PELANCARAN SAMBUTAN HARI PEKERJA 2025: MENGANGKAT MARTABAT, MENGHARGAI PEKERJA

Kementerian Sumber Manusia (KESUMA) akan menganjurkan **Karnival Hari Pekerja** bermula **28 April hingga 1 Mei 2025 di Arena Axiata, Bukit Jalil** dengan acara kemuncaknya adalah **Majlis Sambutan Hari Pekerja Peringkat Kebangsaan 2025 pada 1 Mei 2025**. Majlis ini akan dirasmikan oleh YAB Perdana Menteri dengan jemputan seramai 10,000 pengunjung. Pelbagai aktiviti menarik yang memfokuskan aspirasi **3K: Kebajikan, Kemahiran dan Kehasilan pekerja** turut diadakan.

Bertemakan “**Pekerja Kesuma Bangsa**”, sambutan ini menzahirkan penghargaan terhadap jasa para pekerja sebagai tulang belakang negara dan pelaksana agenda Malaysia MADANI yang mengangkat prinsip kemampanan, keadilan dan kesejahteraan.

KARNIVAL HARI PEKERJA: Cetus Semangat, Cipta Peluang

Sebagai usaha baharu daripada KESUMA, Karnival Hari Pekerja 2025 diperkenalkan sebagai platform menyeluruh yang menyatukan pelbagai elemen berkaitan pembangunan pekerja dan masa depan pekerjaan negara. Karnival ini akan merangkumi:

- Karnival Kerjaya Mega -Temuduga terbuka bersama 39 majikan (10,000 kekosongan jawatan penyelia ke atas)
- Pocket Talks (8 topik semasa termasuk scammer, kesihatan mental, wanita kembali bekerja, jenayah siber, revolusi pencegahan jenayah dan lain-lain)
- Reruai interaktif daripada kementerian dan agensi
- Demonstrasi kemahiran dalam pelbagai bidang (kulinari, dron, florist, mekatronik)
- Anugerah Hari Pekerja, meraikan wira dunia pekerjaan
- Run & Ride PERKESO (20 April di Putrajaya)
- Forum Perdana Ehwat Islam (8 Mei, RTM TV1)
- Polis Diraja Malaysia (PDRM) menawarkan diskaun saman sehingga 50 peratus.
- Pendaftaran MyJPJ, semakan dan bayaran saman, khidmat informasi mySIKAP, pembaharuan cukai jalan kenderaan dan lesen memandu oleh JPJ

Pekerja MADANI: Dari Ruang Digital ke Dunia Nyata

Buat pertama kalinya, sambutan ini diserikan dengan pengisian digital interaktif yang menyasarkan golongan muda dan pekerja digital:

- Podcast Hari Pekerja: Perkongsian inspirasi kerjaya dan suara hati pekerja Malaysia.
- Cabaran Tiktok Sajak Hari Pekerja: Ekspresi kreatif pekerja melalui puisi visual.
- Cabaran Video TikTok “Aku Sebagai Pekerja”: Cerita jujur, lucu dan menyentuh perasaan tentang pengalaman bekerja.
- Kuiz 5 Emoji Kerjaya: Teka kerjaya berdasarkan petunjuk emoji – cabaran santai tapi mencabar minda.

Pelancaran Aplikasi MYFutureJobs: Langkah Progresif Perkasa Pencari Kerja

Sebagai satu inisiatif penting ke arah pendigitalan sistem buruh negara, KESUMA akan melancarkan secara rasmi aplikasi MYFutureJobs versi mudah alih. Aplikasi ini bakal menjadi alat utama bagi memperkasa pencari kerja dengan:

- Padanan pekerjaan yang lebih pantas dan efisien
- Notifikasi segera tentang peluang pekerjaan
- Reka bentuk mesra pengguna untuk pengalaman carian yang lebih lancar

Pelancaran ini merupakan satu langkah strategik dan progresif dalam menyokong ekosistem pekerjaan digital yang lebih inklusif, responsif dan mampan, selaras dengan hasrat Malaysia MADANI.

Sambutan Hari Pekerja 2025 adalah bukti komitmen kerajaan untuk memperkukuh ekosistem pekerjaan negara yang inklusif dan berdaya tahan. Semua warga Malaysia dijemput untuk bersama-sama meraikan peranan pekerja dalam mencorak masa depan Malaysia MADANI.

**KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA
22 APRIL 2025**

LAMPIRAN**LATAR BELAKANG KESUMA**

Kementerian Sumber Manusia atau singkatannya KESUMA adalah kementerian yang bertanggungjawab kepada pembangunan kemahiran, pekerjaan, keselamatan dan kesihatan pekerjaan, kesatuan sekerja, perhubungan perusahaan, maklumat dan analisis pasaran buruh dan keselamatan sosial.

PERANAN & TANGGUNGJAWAB KESUMA

Membangunkan dan melahirkan modal insan yang kompeten, produktif, responsif dan berdaya tahan dalam pasaran buruh negara ke arah meningkatkan produktiviti negara. Memastikan kelancaran operasi pasaran buruh negara. Meningkatkan kebolehpkerjaan dan penggajian tenaga kerja tempatan bagi memenuhi keperluan pasaran kerja negara. Memastikan perhubungan perusahaan yang harmoni dan kondusif. Mengutamakan aspek keselamatan dan kesihatan pekerjaan. Memastikan jaringan keselamatan sosial yang komprehensif, dinamik dan progresif.

JABATAN DAN AGENSI DI BAWAH KESUMA

JABATAN	AGENSI
Jabatan Tenaga Manusia (JTM)	Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO)
Mahkamah Perusahaan Malaysia (MPM)	Institut Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan Negara (NIOSH)
Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK)	Human Resources Development Corporation (HRDC)
Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP)	Talent Corporation Malaysia Berhad (TALENTCORP)
Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia (JTKSM)	Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran (PTPK)
Jabatan Perhubungan Perusahaan Malaysia (JPPM)	
Jabatan Hal Ehwal Kesatuan Sekerja (JHEKS)	
Jabatan Tenaga Kerja Sabah	
Jabatan Tenaga Kerja Sarawak	